



Bahagian Perancang
Ekonomi Negeri



Penang Green
Council

KAJI SELIDIK AWAM: PERSEPSI ORANG AWAM TERHADAP PELAKSANAAN POLISI KERAJAAN NEGERI “TANPA BEG PLASTIK PERCUMA SETIAP HARI” DI PULAU PINANG

Disediakan Oleh: Siti Sarah Jamil (Pegawai Penyelidikan, Penang Green Council)

Nur Syuhada Mustakim (Pegawai Penyelidikan, Universiti Sains Malaysia)

RINGKASAN EKSEKUTIF

Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melaksanakan Kempen Hari Tanpa Beg Plastik pada Julai 2009. Pada 1hb Januari 2011, Pulau Pinang mencipta sejarah sebagai negeri pertama yang melarangkan beg plastik percuma setiap hari. Penang Green Council telah menjalankan “Kaji Selidik Awam: Tanpa Beg Plastik Percuma di Pulau Pinang” dari 13hb November sehingga 22hb Disember 2017. 2,582 orang di Pulau Pinang telah menjawab borang soal selidik tersebut. Borang soal selidik telak diedarkan melalui atas talian dan secara fizikal termasuklah pengedaran borang di pusat beli-belah, pasar awam dan *roadshows* di tempat awam.

Melalui kajian ini, semua 2,582 responden didapati menyedari akan polisi “Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari di Pulau Pinang”. Majoriti atau 65% daripada responden membawa beg membeli-belah sendiri daripada membeli beg plastik. Kajian ini juga mendapati 85% daripada responden wanita cenderung membawa beg membeli-belah sendiri berbanding dengan 49.4% dalam kalangan responden lelaki. Rujukan mengikut profesion responden mendapati bahawa 98.4% daripada kalangan pesara, lebih

cenderung membawa beg membeli-belah sendiri. Manakala untuk golongan yang tidak mempunyai pendapatan atau berpendapatan rendah, mereka lebih cenderung menggunakan beg membeli-belah sendiri berbanding dengan yang lain (98.7%).

Majoriti ataupun 64% daripada 646 responden membeli beg plastik atas sebab mereka sering lupa untuk membawa beg membeli-belah sendiri, manakala 28% daripada mereka mengakui bahawa beg plastik ialah kaedah terbaik untuk mengangkut pelbagai barangan (terutamanya barangan runcit dan produk mentah). Melalui kajian ini juga, 67% daripada 2,582 responden bersetuju sepenuhnya bahawa Pulau Pinang mampu mengurangkan masalah sisa buangan dengan mengurangkan penggunaan beg plastik. 73% responden tidak sedar bahawa setiap caj 20 sen untuk beg plastik akan disalurkan untuk membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Responden juga ditanya mengenai tahap keprihatinan mereka terhadap isu alam sekitar di negeri ini. Majoriti atau 79% daripada mereka sangat prihatin terhadap isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang. Walaubagaimanapun, tahap keprihatinan mereka tidak dapat mengalih sikap mereka (dalam kajian ini, sikap merujuk kepada sikap membawa beg membeli-belah sendiri dan bukannya membeli atau menggunakan beg plastik). Hasil kajian ini juga menunjukkan terdapatnya kumpulan yang beramalkan penggunaan beg membeli-belah tetapi kurang prihatin mengenai isu-isu alam sekitar, iaitu: masyarakat yang bekerja sendiri, suri rumah tangga, pelajar, golongan yang tiada pendapatan atau berpendapatan rendah, pesara, orang yang berpendapatan RM7,501 sehingga RM10,000 sebulan dan orang yang berpendapatan lebih daripada RM10,000 sebulan.

1.0 Pengenalan

Rakyat Malaysia membuang sebanyak RM163 juta bahan yang dapat dikitar semula dalam bentuk plastik. Secara purata, seorang individu telah menggunakan lapan helai beg plastik seminggu. Ini perlu dihentikan bukan sahaja untuk menyelamatkan alam sekitar tetapi juga untuk menjimatkan wang.

Pulau Pinang merupakan negeri pertama di Malaysia yang melancarkan kempen “Hari Tanpa Beg Plastik Percuma” pada Julai 2009. Pada 1hb Januari 2011, Pulau Pinang mencatatkan sejarah apabila menjadi negeri pertama yang melaksanakan inisiatif tersebut pada setiap hari, setiap minggu, setiap bulan sepanjang tahun.

Penang Green Council ditanggungjawabkan untuk membantu Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk menjalankan “Kaji Selidik Awam: Tanpa Beg Plastik Percuma di Pulau Pinang” bermula 13hb November sehingga 22hb Disember 2017.

Objektif kaji selidik adalah:

- I) Untuk membekalkan pemahaman kepada penggubal polisi tentang persepsi orang awam mengenai polisi “Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari”; dan
- II) Supaya ianya menjadi satu asas pembentukan polisi negeri pada masa hadapan.

Akhirnya, alam sekitar dapat dipelihara dan dipulihara sekiranya manusia dapat memahami tanggungjawab mereka terhadap alam sekitar. Oleh itu, kajian ini dilaksanakan untuk mengenalpastikan sama ada rakyat Pulau Pinang mempunyai tingkah laku positif terhadap polisi negeri yang dilaksanakan sejak tahun 2011.

2.0 Metodologi

Metodologi merupakan analisis yang sistematik dan teoritikal atas kaedah yang telah digunakan dalam suatu kajian.

Untuk mencapai objektif tersebut, satu soal selidik telah dijalankan dengan 2,582 orang responden di Pulau Pinang. Menurut Jabatan Statistik Malaysia (2013), sampel sebanyak 2,582 orang dapat mewakili seluruh populasi Pulau Pinang yang berbilangan sebanyak 1.76 juta orang. Kajian ini menggunakan persampelan mudah untuk memilih responden. Di bawah persampelan mudah, sampel tidak dipilih secara sengaja. Ianya bergantung kepada individu untuk mengambil serta dalam soal selidik melalui pengedaran borang soal selidik dengan kaedah-kaedah seperti berikut. Kajian ini mungkin tidak dapat mewakili pandangan penduduk Pulau Pinang secara menyeluruh kerana menggunakan persampelan mudah.

Kajian ini menggunakan dua pendekatan untuk mencapai jumlah nombor responden. Pendekatan pertama adalah melalui kaji selidik atas talian di mana responden melengkapkan borang soal selidik melalui Google Drive. Manakala pendekatan kedua pula adalah melalui *roadshow* yang dijalankan di pusat beli-belah and pasar awam. Selain itu, Penang Green Council juga mengedarkan borang soal selidik semasa menjalankan *roadshow* di tempat-tempat awam yang berhampiran dengan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Perbadaran Seberang Prai (MPSP). Kesemua borang soal selidik tersebut telah dianalisis dengan menggunakan perisian *Statistical Package for Social Sciences* (SPSS). Analisis deskriptif telah dilakukan untuk pembentangan dan juga bagi memuktamadkan keputusan kajian.

3.0 Penemuan Kajian

Jadual 1 menunjukkan penerangan terperinci data yang telah dikumpul dalam kajian ini.

Jadual 1: Dua pendekatan yang digunakan dalam pengumpulan data

Pendekatan		Bilangan borang kaji selidik yang diedarkan	Bilangan borang kaji selidik yang dipulangkan
Atas talian	Google drive	2 000	1 590
<i>Roadshow</i>	Pasar awam -Gelugor -Seberang Jaya	500	70
	Pusat beli-belah -Tesco Jelutong -Giant Bayan Baru -Aeon Mall Bukit Mertajam	500	202
	MBPP <i>roadshow</i>	500	357
	MPSP <i>roadshow</i>	500	363
JUMLAH		4 000	2 582

Sumber: Kerja lapangan (2017)

4.0 Analisis Penemuan Kajian

Analisis dan penemuan daripada kaji selidik akan dibincangkan mengikut tiga komponen berikut;

- I. Profil responden.
- II. Persepi orang awam terhadap “Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari di Pulau Pinang”; dan
- III. Keprihatinan orang awam terhadap isu alam sekitar di Pulau Pinang.

4.1 Profil responden

Seksyen ini direka untuk menyenaraikan profil responden dalam soal selidik ini. Responden kajian ini terdiri daripada 56% lelaki dan 44% wanita. Majoriti atau 27.2% responden berumur 20 ke 29 tahun, 22.8% berumur 40 ke 49 tahun, dan 22.2% berumur 30 hingga 39 tahun.

Majoriti responden berbangsa Cina iaitu sebanyak 38.6%, manakala 37.2% responden berbangsa Melayu, 23.7% berbangsa India dan 0.5% yang selebihnya ialah orang asing.

Berdasarkan kerjaya responden, kajian ini mampu memperoleh informasi daripada responden dari berbagai-bagai bidang pekerjaan. 23.3% daripadan mereka merupakan kalangan profesional, diikuti 16.7% ialah pekerja mahir, 12.7% ialah peniaga, 12.2% ialah golongan pesara, 9.9% ialah pelajar, 9.8% bekerja sendiri, 8.7% ialah pekerja tidak mahir, 3.6% ialah suri rumah tangga, and 2.1% yang selebihnya tidak bekerja. Jadual 2 menunjukkan informasi terperinci profil responden.

Jadual 2: Profil responden

Profil responden		Jumlah	Peratusan
Jantina	Lelaki	1 452	56%
	Wanita	1 130	44%
Keturunan	Melayu	960	37.2%
	Cina	996	38.6%
	India	611	23.7%
	Bukan warganegara	15	0.5%
Kerjaya	Profesional	601	23.3%
	Pekerja mahir	431	16.7%
	Pekerja tidak mahir	225	8.7%
	Peniaga	353	13.7%
	Bekerja sendiri	253	9.8%
	Suri rumah	93	3.6%
	Pelajar	256	9.9%
	Tidak bekerja	55	2.1%
	Pesara	315	12.2%
Umur	18 atau 19 tahun	120	4.6%
	20 – 29 tahun	702	27.2%
	30 – 39 tahun	574	22.2%
	40 – 49 tahun	589	22.8%
	50 – 59 tahun	335	13.0%
	60 tahun dan ke atas	262	10.1%

Sumber: Kerja lapangan (2017)

Majoriti atau 72.3% daripada 2,582 responden tinggal di flat, pangsapuri, kondominium atau bangunan bertingkat tinggi. Selain daripada itu, kebanyakan responden (45.1%) memiliki sijil diploma, matrikulasi atau tingkatan 6. Untuk tahap pendapatan, majoriti responden memperolehi kurang daripada RM3,000 sebulan (37.2%). Bagi pecahan daerah pula, kajian ini memperolehi data daripada semua 5 daerah di negeri ini. Majoriti atau 37.4% responden adalah dari daerah Timur Laut, 33.1% dari daerah Seberang Perai Tengah, 13.9% dari daerah Barat Daya, 8.1% dari daerah Seberang Perai Selatan dan 7.5% dari daerah Seberang Perai Utara.

Kajian ini juga telah dapat menyenaraikan profil responden mengikut tahap ekonomi dan kawasan geografi mereka. Jadual 3 menunjukkan informasi terperinci profil tersebut.

Jadual 3: Profil responden

Profil responden		Jumlah	Peratusan (%)
Jenis perumahan	Teres/Semi- D	513	19.9%
	Banglo	202	7.8%
	Flat/ Pangsapuri/ Kondominium/ Bangunan Bertingkat Tinggi	1 867	72.3%
Daerah	Seberang Perai Utara	194	7.5%
	Seberang Perai Tengah	855	33.1%
	Seberang Perai Selatan	209	8.1%
	Timur Laut	966	37.4%
	Barat Daya	358	13.9%
Tahap pendidikan	Ijazah/ Ijazah Sarjana/ PhD	519	20.1%
	Diploma/ Matrikulasi/ Tingkatan 6	1 164	45.1%
	Sekolah Menengah Atas (Tingkatan 4-5)	377	14.6%
	Sekolah Menengah Rendah (Tingkatan 1-3)	434	16.8%
	Sekolah Rendah (Darjah 1-6)	80	3.1%
	Tidak pernah bersekolah	8	0.3%
Tahap pendapatan (Ringgit Malaysia)	>10000 Sebulan	21	0.8%
	7501-10000 Sebulan	28	1.1%
	5001-7500 Sebulan	565	21.9%
	3001-5000 Sebulan	775	30.0%
	<3000 Sebulan	961	37.2%
	Tiada pendapatan/ Tidak bekerja	232	9%
Adakah anda penduduk Pulau Pinang?	Ya	2 117	82%
	Tidak	465	18%

Sumber: Kerja Lapangan (2017)

4.2 Persepi orang awam terhadap “Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari di Pulau Pinang”

Seksyen ini direka untuk mengenal pasti persepsi orang awam terhadap pelaksanaan polisi kerajaan negeri iaitu “Tiada Beg Plastik Percuma Setiap Hari di Pulau Pinang.” Untuk mencapai objektif kajian, iaitu untuk membekalkan pemahaman kepada penggubal polisi tentang persepsi orang awam mengenai polisi “Tanpa Beg Plastik Percuma Setiap Hari”, seksyen ini sangat penting untuk memahami pandangan orang awam mengenai polisi tersebut.

Melalui kajian ini, didapati bahawa kesemua 2,582 responden menyedari tentang polisi kerajaan negeri iaitu “Tiada Beg Plastik Percuma Setiap Hari di Pulau Pinang”, dan ini membuktikan bahawa perlaksanaannya mulai tahun 2011 adalah berjaya di semua daerah di Pulau Pinang. Carta 1 menggambarkan informasi terperinci mengenai jawapan reponden.

Carta 1: Jawapan responden



Malalui kajian ini, 2,582 responden daripada kajian *online*, kajian di pasar awam, pusat beli-belah, roadshow MBPP dan MPSP telah ditanya sama ada mereka akan membawa beg membeli-belah sendiri daripada membeli beg plastik. Majoriti atau 65% daripada mereka membawa beg beli-belah sendiri. Manakalah 25% pula memilih untuk membeli beg plastik dan selebihnya 10% mengakui hanya kadang-kala sahaja mereka membawa beg beli-belah sendiri.

Kebanyakan daripada mereka telah menggunakan beg beli-belah sendiri dan ini menunjukkan objektif polisi kerajaan negeri telah tercapai. Kerajaan negeri mampu menggalakkan pengguna untuk membawa beg membeli-belah sendiri ketika membeli barang. Kesedaran sebegini dapat mengurangkan penggunaan beg plastik di Pulau Pinang. Carta 2 menggambarkan informasi terperinci jawapan responden.

Carta 2: Jawapan responden.



Kajian ini menyenaraikan jantina, profesion and tahap pendapatan responden sebagai pembolehubah yang berkemungkinan mempengaruhi persepsi orang awam mengenai polisi kerajaan negeri. Gaya hidup seharian seseorang dipercayai mempunyai

perkaitannya dengan jantina, profesion dan tahap pendapatan seseorang (*Sarah Teichman, 2015*). Analisis tersebut yang dijalankan dengan SPSS telah diringkaskan di Jadual 4 yang menunjukkan informasi terperinci terhadap perkaitan antara jantina, profesion dan tahap pendapatan responden terhadap keputusan mereka dalam menggunakan beg beli-belah sendiri dan bukannya membeli beg plastik.

Jadual 4: Hubungan antara jantina, profesion dan tahap pendapatan responden dengan keputusan mereka dalam menggunakan beg belah sendiri dan bukannya membeli beg plastik.

Orang yang membawa beg beli belah sendiri= 1,678 orang daripada 2,582 responden				
Pemboleh ubah		Kekerapan	Jumlah	% dari jumlah
Jantina	Lelaki	718	1 452	49.4%
	Wanita	960	1 130	85.0%
Profesion	Profesional	398	601	66.2%
	Pekerja mahir	110	431	25.5%
	Pekerja tidak mahir	97	225	43.1%
	Peniaga	157	353	44.5%
	Bekerja sendiri	215	253	85.0%
	Suri rumah	90	93	96.8%
	Pelajar	250	256	97.7%
	Tidak bekerja	51	55	92.7%
	Pesara	310	315	98.4%
	Tahap Pendapatan (Ringgit Malaysia)	>10000 Sebulan	11	21
7501-10000 Sebulan		21	28	75.0%
5001-7500 Sebulan		169	565	29.9%
3001-5000 Sebulan		572	775	73.8%
<3000 Sebulan		676	961	70.3%
Tiada pendapatan/ Tidak bekerja		229	232	98.7%

Penemuan Jadual 4 menunjukkan bahawa peratusan besar (85%) dalam kalangan responden wanita menggunakan beg membeli-belah sendiri berbanding dengan responden lelaki (49.4%). Wanita lebih biasa membawa beg tangan dalam kehidupan seharian berbanding dengan lelaki. Oleh itu, tidak mengejutkan bahawa kebanyakan wanita dalam kajian ini membawa beg membeli-belah sendiri dalam kehidupan seharian.

Kajian ini juga mendapati bahawa 98.4% responden daripada kalangan pesara

menggunakan beg beli-belah sendiri daripada membeli beg plastik, statistik ini diikuti oleh pelajar (97.7%), suri rumah (96.8%), golongan tidak bekerja (92.7%), mereka yang bekerja sendiri (85.0%), profesional (66.2%), peniaga (44.5%), pekerja tidak mahir (43.1%) dan pekerja mahir (25.5%). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa majoriti pesara di Pulau Pinang sedar tentang polisi ini dan kebanyakan mereka mempraktikkan polisi ini berbanding profesion lain. Walaupun polisi ini telah mempengaruhi rakyat dari pelbagai latar belakang dan profesion, penggunaan beg membeli-belah masih rendah dalam kalangan peniaga, pekerja tidak mahir dan pekerja mahir. Usaha masa depan untuk menggalakkan praktis ini perlu difokuskan kepada golongan-golongan ini.

Dalam kajian ini juga, lebih banyak responden yang tidak mempunyai pendapatan bulanan menggunakan beg membeli-belah sendiri berbanding dengan kumpulan lain dari segi peratusan (98.7%). Oleh itu, dipercayai bahawa tahap pendapatan merupakan salah satu faktor utama yang mempengaruhi masyarakat untuk mengikuti dan mengamalkan polisi alam sekitar.

Oleh itu, ini dapat disimpulkan bahawa jantina, tahap pendapatan bulanan dan profesion merupakan faktor utama yang mempengaruhi masyarakat dalam menggunakan beg membeli-belah sendiri daripada membeli beg plastik.

Kajian awam ini adalah sangat mustahak untuk mengetahui tahap pengetahuan dan kesedaran orang awam mengenai caj 20 sen untuk beg plastik akan disalurkan untuk membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Majoriti atau 73% responden tidak menyedari terhadap perkara ini. 27% yang lain pula mengetahui informasi ini. Carta 3 menggambarkan informasi terperinci mengenai jawapan responden.


Carta 3: Jawapan responden



Walaupun semua responden dalam kajian ini menyedari tentang polisi ini, 73% daripada mereka tidak menyedari bahawa 20 sen yang didapati daripada setiap beg plastik yang dijual ini akan disalurkan untuk membasmi kemiskinan di Pulau Pinang. Namun begitu, 18% daripada responden kajian ini bukan penduduk Pulau Pinang dan mereka mungkin kurang memahami tentang penggunaan 20 sen yang dikutip itu.

Oleh itu, penyebaran informasi tentang penyumbangan caj beg plastik kepada program Agenda Ekonomi Saksama (AES) perlu dipertingkatkan supaya semua rakyat boleh dimaklum dengan lebih meyeluruh. Penemuan kajian ini juga akan dijadikan sebagai rujukan dan satu asas bagi polisi kerajaan negeri pada masa hadapan. Usaha untuk memastikan pelaksanaan polisi kerajaan negeri Pulau Pinang disampaikan kepada orang Pulau Pinang tanpa kira latar belakang mereka adalah sangat mustahak.

Carta 4: Jawapan responden



Carta 4 menggambarkan jawapan responden dengan sebab-sebab mereka tidak membawa beg membeli-belah sendiri tetapi memilih untuk membeli beg plastik. Majoriti atau 64% daripada 646 responden yang membeli beg plastik selalu lupa untuk membawa beg membeli-belah sendiri. 28% daripada mereka mengakui bahawa beg plastik merupakan beg terbaik untuk membungkus dan membawa pelbagai barangan (terutamanya barangan runcit dan produk mentah).

Analisis ini menunjukkan majoriti masyarakat Pulau Pinang mampu memahami kepentingan menggunakan beg membeli-belah sendiri berbanding dengan membeli lebih banyak beg plastik. Walaubagaimanapun, kerajaan negeri perlu meningkatkan usaha dalam menggalakkan masyarakat untuk mengamalkan dan melaksanakan perkara yang difahami, terutamanya dari segi penggunaan beg plastik dalam kehidupan harian.

Di samping itu, dua kumpulan responden masih membeli beg plastik kerana banyak lagi orang lain yang masih membeli dan menggunakan beg plastik (5%) dan caj 20 sen untuk

setiap beg plastik bukanlah satu masalah besar untuk mereka (2%). Walaubagaimanapun, terdapat juga kumpulan minoriti responden yang mengakui bahawa tiada sebab untuk mereka menggunakan beg beli-belah sendiri. Hal ini mungkin kerana beg plastik mudah diperolehi dan senang digunakan.


Analisis ini menunjukkan bahawa program kesedaran masih diperlukan untuk memastikan penduduk Pulau Pinang sedar dan mengubah gaya hidup mereka untuk masa depan Pulau Pinang yang lebih baik dan mampan.

4.3 Keprihatinan orang awam terhadap isu alam sekitar di Pulau Pinang.

Seksyen ini direkakan untuk mengenalpasti tahap keprihatinan orang awam terhadap isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang, terutamanya isu sisa plastik dan pencemaran. Dalam kaji selidik tersebut, responden telah ditanya sama ada mereka bersetuju bahawa dengan mengurangkan penggunaan beg plastik, Pulau Pinang dapat mengurangkan isu-isu sisa buangan dan masalah-masalahnya.

67% daripada 2582 responden sangat bersetuju dengan kenyataan tersebut. Sementara itu, 18% responden bersetuju dengan kenyataan itu dan 9% responden tidak bersetuju dengan kenyataan itu. Sebanyak 6% responden tidak dapat mengaitkan sama ada terdapat hubungan antara penggunaan beg plastik dan kesan kepada masalah sisa dan masalah di Pulau Pinang.

Carta 5: Jawapan responden




Carta 5 menunjukkan respons positif orang awam mengenai polisi mesra alam sekitar kerajaan negeri. Objektif utama kerajaan negeri melaksanakan “Tiada Beg Plastik Percuma Setiap Hari di Pulau Pinang” adalah untuk mengurangkan dan mengelakkan sisa buangan plastik di tapak pelupusan sampah Pulau Burung. Melalui kajian ini, majoriti masyarakat mampu mengaitkan impak beg plastik terhadap alam sekitar. Ini menunjukkan satu momentum yang bagus untuk Pulau Pinang dalam mencapai negeri yang bersih, hijau dan mampan menjelang tahun 2030. Walaubagaimanapun, masih terdapat kumpulan minoriti yang tidak pasti akan impak penggunaan beg plastik terhadap alam sekitar (15% ataupun 387 orang daripada 2,582 responden). Oleh itu, Kerajaan Negeri Pulau Pinang patut terus lagi menjalankan lebih banyak program-program kesedaran yang berlandaskan alam sekitar kepada semua lapisan rakyat Pulau Pinang.

Merujuk kepada misi negeri iaitu “Penang Hijau Bersih”, 2,582 responden telah ditanya tentang tahap keprihatinan mereka dalam isu alam sekitar di Pulau Pinang, terutamanya tentang isu-isu sisa buangan dan pencemaran. Carta 6 menggambarkan penemuan tersebut yang sejajar dengan penemuan kaji selidik awam *Penang Green Council* mengenai pengasingan sisa pada tahun 2015 dan perubahan iklim pada tahun 2016. Majoriti atau 79% responden sangat bimbang terhadap isu-isu alam sekitar di Pulau

Pinang. Ini membuktikan bahawa masyarakat Pulau Pinang amat sedar dan prihatin terhadap alam sekitar dan persekitaran mereka.

Carta 6: Jawapan responden



Kajian ini merujuk jantina, profesion dan tahap pendapatan responden sebagai pemboleh ubah yang mungkin mempengaruhi keprihatinan orang awam mengenai isu alam sekitar di Pulau Pinang. Menurut Sarah Teichman (2015), jantina, profesion dan tahap pendapatan seseorang berhubung dengan tabiat dan gaya hidupnya. Penemuan daripada analisis SPSS telah disimpulkan di Jadual 5 dengan menunjukkan informasi terperinci tentang hubungan antara jantina, profesion dan tahap pendapatan responden dengan keprihatinan mereka terhadap isu alam sekitar di Pulau Pinang terutamanya isu sisa buangan dan pencemaran.

Jadual 5: Hubungan antara jantina, profesion dan tahap pendapatan responden dengan keprihatinan mereka terhadap isu alam sekitar.

Jumlah responden yang amat prihatin mengenai isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang = 2240 orang daripada 2582 responden				
Pemboleh ubah		Kekerapan	Jumlah	% dari jumlah
Jantina	Lelaki	1119	1452	77.1%
	Perempuan	1121	1130	99.2%
Profesion	Professional	538	601	89.5%
	Pekerja mahir	333	431	77.3%
	Pekerja tidak mahir	214	225	95.1%
	Peniaga	297	353	84.1%
	Bekerja sendiri	213	253	84.2%
	Suri rumah	82	93	88.2%
	Pelajar	221	256	86.3%
	Tidak bekerja	43	55	78.2%
	Persara	299	315	94.9%
	Tahap Pendapatan (Ringgit Malaysia)	>10000 sebulan	9	21
7501-10000 sebulan		15	28	53.6%
5001-7500 sebulan		499	565	88.3%
3001-5000 sebulan		741	775	95.6%
<3000 sebulan		854	961	88.9%
Tiada pendapatan / Tidak bekerja		122	232	52.6%

Jadual 5 menunjukkan sebanyak 99.2% daripada responden perempuan amat prihatin mengenai isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang berbanding dengan sejumlah 77.1% terdiri daripada responden lelaki. Namun begitu, jurang peratusan antara responden lelaki dan perempuan tidak terlampau besar. Justeru, boleh disimpulkan bahawa jantina masyarakat bukanlah faktor utama mereka mengambil berat mengenai isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang.

Kajian ini menunjukkan bahawa sejumlah 95.1% responden daripada golongan pekerja tidak mahir sangat prihatin terhadap isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang, diikuti dengan masyarakat bersara (94.9%), kumpulan profesional (89.5%), suri rumah (88.2%), pelajar (86.3%), masyarakat yang bekerja sendiri (84.2%), masyarakat ahli perniagaan (84.1%), kumpulan yang tidak berkerja (78.2%) dan pekerja berkemahiran (77.3%). Oleh itu, dapat disimpulkan bahawa majoriti pekerja tidak mahir di Pulau Pinang amat prihatin terhadap perubahan alam sekitar di Pulau Pinang berbanding dengan profesion lain. Walau

bagaimanapun, bilangan orang daripada profesion lain yang prihatin mengenai isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang adalah sangat tinggi dalam kajian ini, membuktikan bahawa majoriti penduduk Pulau Pinang menyedari dan prihatin mengenai aspek alam sekitar Pulau Pinang.

Secara keseluruhan, masyarakat menyedar dan mengambil berat tentang isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang. Dalam kajian ini, responden yang berpendapatan bulanan di bawah RM7,500 amat prihatin mengenai isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang berbanding dengan yang lain. Namun begitu, responden yang berpendapatan bulanan tinggi (RM7,501 dan ke atas) dan responden yang tiada pekerjaan tidak menunjukkan tahap prihatin yang tinggi terhadap alam sekitar. Pendidikan alam sekitar bertumpu kepada kedua-dua golongan ini harus dipertingkatkan.

Dari penemuan, kajian ini menggambarkan kesinambungan antara kebimbangan masyarakat terhadap alam sekitar dan amalan mereka untuk membawa beg membeli-belah sendiri daripada menggunakan atau membeli beg plastik dalam kehidupan seharian mereka. Jadual 6 menunjukkan maklumat terperinci mengenai hubungan antara kebimbangan masyarakat dan amalan mereka untuk membawa beg membeli-belah sendiri dalam kehidupan seharian mereka.

Jadual 6: Hubungan antara "individu yang prihatin" dan "individu yang mengamalkan" amalan membawa beg membeli-belah sendiri dan tidak menggunakan atau membeli beg plastik dalam kehidupan seharian mereka.

Pemboleh ubah		Jumlah	Sangat prihatin terhadap isu-isu alam sekitar di Pulau Pinang (individu yang berkeprihatinan)	Membawa beg membeli-belah sendiri (individu yang mengamalkan amalan)
Jantina	Lelaki	1 452	77.1%	49.4%
	Perempuan	1 130	99.2%	85.0%
Profession	Professional	601	89.5%	66.2%
	Pekerja mahir	431	77.3%	25.5%
	Pekerja tidak mahir	225	95.1%	43.1%
	Peniaga	353	84.1%	44.5%
	Bekerja sendiri	253	84.2%	85.0%
	Suri rumah	93	88.2%	96.8%
	Pelajar	256	86.3%	97.7%
	Tidak bekerja	55	78.2%	92.7%
	Pesara	315	94.9%	98.4%
	Tahap Pendapatan (Ringgit Malaysia)	>10000 sebulan	21	42.8%
7501-10000 sebulan		28	53.6%	75.0%
5001-7500 sebulan		565	88.3%	29.9%
3001-5000 sebulan		775	95.6%	73.8%
<3000 sebulan		961	88.9%	70.3%
Tiada pendapatan/ Tidak bekerja		232	52.6%	98.7%

Jadual 6 menunjukkan bahawa majoriti responden merupakan individu yang berkeprihatinan. Walau bagaimanapun, tahap keprihatinan mereka masih belum dapat terjemah kepada perubahan tabiat. Ini menunjukkan bahawa untuk dasar atau pelaksanaan polisi negeri yang akan datang, kerajaan negeri harus memberi tumpuan kepada cara untuk mempengaruhi lebih ramai orang supaya menjadi individu yang mengamalkan amalan ini (untuk kajian ini, individu yang mengamalkan ialah mereka yang membawa beg beli-belah sendiri dan tidak membeli atau menggunakan beg plastik).

Daripada analisis kajian, terdapat golongan yang mempunyai lebih banyak individu yang mengamalkan amalan daripada individu yang prihatin, iaitu masyarakat yang bekerja

sendiri, suri rumah, pelajar, kumpulan tidak berkerja, masyarakat yang bersara, individu yang memperoleh pendapatan di antara RM7,501 hingga RM10,000 sebulan dan individu yang memperoleh lebih daripada RM10,000 sebulan sebagai pendapatan mereka. Bagi masyarakat yang bekerja sendiri, terdapat 84.2% individu prihatin dan 85.0% individu yang mengamalkan amalan ini. Bagi suri rumah, terdapat 88.2% individu prihatin dan 96.8% individu yang mengamalkan amalan ini. Bagi kumpulan pelajar, terdapat 86.3% individu prihatin dan 97.7% individu yang mengamalkan. Bagi kumpulan yang tidak berkerja, terdapat 78.2% individu prihatin dan 98.7% individu yang mengamalkan amalan ini. Bagi masyarakat yang telah bersara, terdapat 94.9% individu prihatin dan 98.4% individu yang mengamalkan amalan ini.

Hasil ini menunjukkan bahawa kebimbangan dan kesedaran alam sekitar bukan merupakan faktor utama bagi masyarakat yang bekerja sendiri, suri rumah, pelajar, kumpulan tidak berkerja dan masyarakat yang bersara untuk membawa beg membeli-belah. Mereka membuat sedemikian dalam kehidupan seharian mereka atas sebab-sebab lain. Kesimpulannya, terdapat sekumpulan masyarakat Pulau Pinang yang mengamalkan gaya hidup mesra alam tanpa sebarang niat untuk sayang akan alam sekitar. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa beberapa program kesedaran untuk menghasilkan individu yang lebih prihatin dan beberapa program bertemakan alam sekitar yang dapat meningkatkan individu yang mengamalkan amalan harus dirancang dan dilaksanakan pada masa akan datang.

PUBLIC SURVEY

KAJI SELIDIK AWAM / 民意调查 / பொது ஆய்வு

13 November - 22 December 2017

**NO FREE
PLASTIC BAG
EVERY DAY IN PENANG**



Take the survey and share us your thoughts!

www.pgc.com.my/plasticbagsurvey

For more details, please contact:

PENANG GREEN COUNCIL, Tel: +604 250 3322 Email: info@pgc.com.my

